



LAPORAN LIPUTAN MEDIA SELASA / 21 OGOS 2018

- 1. PROGRAM KAYUHAN PUPUK CINTA NEGARA**
 - SINAR HARIAN

- 2. DURIAN SEJUK BEKU**
 - UTUSAN MALASIA

- 3. EKSPORT DURIAN SEJUK BEKU BENTUK BIJI KE CHINA
TAHUN DEPAN**
 - BERITA HARIAN

**DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)**

KERATAN AKHBAR : SINAR HARIAN
TARIKH : 21 OGOS 2018 (SELASA)
PERKARA : AKTIVITI MADA

Program kayuhan pupuk cinta negara

ALORSETAR - Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (Mada) mengambil inisiatif menganjurkan Program Kayuhan Sayangi Malaysia demi membuktikan rasa cintakan negara.

Timbalan Pengurus Besar Teknikal Mada, Syed Zainuddin Syed Zain berkata, aktiviti kayuhan basikal sempena Sambutan Hari Kebangsaan itu berjaya mencapai matlamat penganjurannya.

Malah, beliau berkata, sambutan peserta amat menggalakkan dengan disertai 131 orang ramai yang terdiri daripada ahli kelab pasukan berbasikal Mada dan beberapa kelab basikal lain di seluruh utara.



Sebahagian peserta Program Kayuhan Sayangi Malaysia bergambar beramai-ramai.

"Melalui aktiviti itu, kita berharap dapat melakukan aktiviti riadah sambil mengeratkan hubungan silaturahim bersama orang awam.

"Malah, program berkenaan dilaksana demi memeriahkan sambutan menjelang Hari Kebangsaan, sekaligus menunjukkan semangat patriotisme," katanya.

Terdahulu, beliau menyempurnakan Program Kayuhan Sayangi Malaysia diiringi Pengarah Khidmat Pengurusan, Zulkifli Romli di Kompleks Latihan Mada Alor Serdang, di sini.



Syed Zainuddin turut menyertai aktiviti kayuhan itu.

Sebelum itu, peserta dengan diiringi polis dilepaskan kira-kira pukul 8 pagi melalui perjalanan sejauh 36 kilometer sambil mengelilingi pemandangan sawah padi di kawasan Muda.

Sebelum itu, peserta dengan diiringi polis dilepaskan kira-kira pukul 8 pagi melalui perjalanan sejauh 36 kilometer sambil mengelilingi pemandangan sawah padi di kawasan Muda.

Eksport durian sejuk beku bentuk biji ke China tahun depan

FAKTA ANGKA

■ Sehingga kini, sebanyak **204** varieti durian telah didaftarkan dengan Jabatan Pertanian (DOA).

■ **12** varieti disarankan untuk ditanam kerana ia mempunyai nilai komersial dan mendapat permintaan tinggi.

■ **6** varieti utama yang mendapat sambutan adalah D24, D160 (Musang Queen), D168 (Hajah Hasmah), D197 (Musang King), D200 (Ochee) dan D99.

■ Daripada enam varieti utama tersebut, 2 iaitu D197 dan D24 dianggap sebagai varieti premium.

BEIJING - Lawatan kerja rasmi Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke China menyaksikan Malaysia berjaya memeterai satu lagi protokol untuk mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk biji ke negara itu.

Ini juga merupakan lawatan rasmi kali pertama ke luar negara Datuk Salahuddin Ayub selepas menjawat jawatan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) pada pertengahan bulan Mei lalu.

'Protokol Keperluan Pemeriksaan dan Kuarantin Pengeksportan Durian Sejuk Beku dari Malaysia ke China' telah ditanda-

tangani Salahuddin bersama dengan Menteri Pentadbiran Am Kastam China, Ni Yuefeng dan disaksikan oleh Dr Mahathir serta Perdana Menteri China, Li Keqiang di the Great Hall of The People, Beijing, semalam.

Pencapaian ini merupakan kejayaan dua tahun berturut-turut setelah Malaysia berjaya mendapatkan laluan pasaran untuk buah nanas secara rasmi pada Mei 2017.

Sebelum ini, Malaysia telah memperolehi kelulusan laluan pasaran ke China bagi durian sejuk beku dalam bentuk pulp dan paste sejak November 2007.

Bagaimanapun pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk biji (whole fruit) yang baru diperolehi ini, Kementerian menjangkakan ia akan bermula pada awal tahun depan.

Bagi memenuhi keperluan protokol yang telah dipersetujui, Malaysia perlu mengemukakan senarai ladang yang memenuhi keperluan Sijil Amalan Pertanian Baik (MyGAP) berserta senarai fasiliti pemprosesan durian dan lain-lain keperluan sebagaimana yang termaktub dalam protokol untuk persetujuan pihak China sebelum pengeksportan boleh dimulakan.

Durian sejuk beku dibenar eksport ke China

PUTRAJAYA 20 Ogos - Malaysia berjaya memperoleh kebenaran dari China untuk mengeksport durian sejuk beku dalam bentuk biji ke negara tersebut hasil daripada lawatan kerja rasmi Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, persetujuan itu diperoleh selepas Menteri, Datuk Salahuddin Ayub serta Menteri Pentadbiran Am Kastam China, Ni Yuefeng menandatangani Protokol Keperluan Pemeriksaan dan Kuarantin Pengeksportan Durian Sejuk Beku dari Malaysia ke China.

“Sebelum ini, Malaysia telah memperoleh kelulusan laluan pasaran ke China bagi durian sejuk beku dalam bentuk *pulp* (ulas)

dan pes sejak November 2007.

“Bagi pengeksportan durian sejuk beku dalam bentuk biji yang baru diperoleh, kementerian menjangkakan ia akan bermula pada awal tahun depan,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Menurut kenyataan itu lagi, kebenaran untuk mengeksport itu juga mencerminkan keyakinan China terhadap mutu hasil pertanian negara dari segi kebersihan, keselamatan dan keenakannya.

Bagi memenuhi keperluan protokol, Malaysia perlu mengemukakan senarai ladang yang memenuhi keperluan Sijil Amanan Pertanian Baik (MyGAP) beserta senarai fasiliti pemprosesan durian dan lain-lain keperluan sebelum pengeksportan boleh dimulakan.